

**Apakah yang ada pada risalah ini**

1. Apakah kegunaan Dyna Orapaste
2. Bagaimana Dyna Orapaste berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dyna Orapaste
4. Cara menggunakan Dyna Orapaste
5. Semasa menggunakan Dyna Orapaste
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dyna Orapaste
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

**Apakah kegunaan Dyna Orapaste**

Dyna Orapaste digunakan sebagai rawatan tambahan dan kelegaan sementara simptom-simptom berkaitan dengan keradangan luka oral dan luka ulcer akibat daripada trauma.

**Bagaimana Dyna Orapaste berfungsi**

Triamcinolone bertindak sebagai kortikosteroid sintetik dengan kesan tindakan anti-keradangan. Ia juga menyediakan keselesaan dan perlindungan, yang menambahkan kesan-kesan steroid.

**Sebelum menggunakan Dyna Orapaste****- Bila tidak boleh menggunakan**

Jangan gunakan Dyna Orapaste jika anda mempunyai hipersensitiviti kepada Triamnicolone, kortikosteroid, prophylene glycol atau bahan-bahan lain yang terkandung di dalam risalah.

**Mengandung dan menyusukan anak**

Beritahu doktor jika anda mengandung, fikir anda mungkin mengandung atau sedang merancang untuk mengandung atau jika anda sedang menyusu.

Langkah berjaga-jaga perlu diambil apabila digunakan oleh ibu-ibu yang menyusukan anak.

Bayi yang baru dilahirkan oleh ibu yang menerima dos kortikosteroid yang tinggi semasa mengandung perlu diperhati dengan berhati-hati untuk tanda-tanda seperti pening di mana kelenjar adrenal yang kurang aktif seperti *hypoadrenalinism* (penurunan berat badan, pening, sakit perut, tompokan kulit gelap)

**- Sebelum menggunakan Dyna Orapaste**

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai masalah berikut:

- Tuberkulosis (jangkitan bakteria yang memberi kesan terutamanya kepada paru-paru)
- Ulser perut atau usus
- Kencing manis
- Jangkitan virus

**- Jika mengambil ubat-ubat lain**

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

**Cara menggunakan Dyna Orapaste****- Berapa banyak harus digunakan**

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Sapukan sedikit Triamnicolone-gel di tempat luka. Kuantiti yang lebih besar mungkin diperlukan untuk menutupi sestengah luka. Untuk kesan yang optimum, hanya gunakan untuk menutupi luka dengan lapisan yang nipis.

**AMARAN**

Hentikan penggunaan jika iritasi berlaku pada kawasan yang disapu.

**- Bila perlu digunakan**

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Sapukan gel pada waktu tidur untuk membolehkan sentuhan steroid dengan luka sepanjang malam. Bergantung pada keterukan simptom-simptom, ubat mungkin perlu disapu 2 atau 3 kali sehari, sebaiknya selepas makan.

**- Berapa lama perlu digunakan**

Teruskan menggunakan Dyna Orapaste untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Rujuk kepada doktor anda jika keadaan anda tidak berubah dalam 7 hari.

**- Jika terlupa menggunakan**

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

**- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)**

Gel ini untuk kegunaan luar, tiada simptom-simptom terlebih dos akut yang diketahui.

**Semasa menggunakan Dyna Orapaste****- Perkara yang perlu dilakukan**

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Dyna Orapaste.

**- Perkara yang tidak boleh dilakukan**

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor dan ahli farmasi anda.

Jangan beri Dyna Orapaste kepada seseapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

**Perkara yang perlu diberi perhatian**

Prosedur immunisasi tidak boleh diambil oleh orang yang mengambil kortikosteroid, lebih-lebih lagi dalam dos yang tinggi, disebabkan oleh kemungkinan berlakunya komplikasi saraf dan kekurangan tindak balas antibodi.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, Dyna Orapaste boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Ketidaktoleransi kepada Triamcinolone-gel sememangnya sangat jarang. Walau bagaimanapun, jika terdapat simptom-simptom yang luar biasa, seperti lemah atau pening berlaku, anda perlu beritahu doktor anda.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan

Triamcinolone Acetonide (0.1% w/w)

atau kesan aduers ubat kepada Pusat  
Pemantauan Kesan Aduers Ubat  
Kebangsaan melalui No. Tel: 03-  
7883550, atau laman web  
[npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting  
Medicinal Problems / Side Effects /  
AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan

### Dyna Orapaste

#### - Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak  
Simpan di tempat kering di bawah 30°C  
Pastikan tiub ditutup rapat

#### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan  
melalui air buangan atau sisa isi rumah.  
Sila rujuk kepada ahli farmasi anda  
mengenai cara untuk melupuskan ubat  
yang tidak diperlukan lagi. Langkah-  
langkah ini dapat membantu  
melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

#### - Rupa dan warna produk

Gel berwarna jernih dengan perisa  
pudina.

#### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
Triamcinolone Acetonide

- Bahan-bahan tidak aktif  
Propylene Glycol, Peppermint oil,  
Citric Acid Monohydrate, Sorbitol  
70%, Carboxymethyl Cellulose Sodium  
& Purified Water

#### - Nombor MAL

MAL19984055AZ

## Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.  
2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,  
Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600  
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

17/01/2018

## Nombor siri:

NPRA(R4/1)141217/00360